

# PM nasihat doktor2 jangan terlalu ghairah lari ke swasta

UM 26 FEB 1985

**K**UALA LUMPUR 25 Feb. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan para doktor kerajaan supaya jangan terlalu ghairah untuk "lari" ke sektor swasta bagi menyambut desakan penswastan hingga boleh menjajaskan perkhidmatan kepada masyarakat.

Serentak dengan itu, Perdana Menteri mahukan pusat-pusat perubatan swasta dan bidang perubatan lain di negara ini disertai secara bersama oleh semua golongan kaum bagi mengeratkan kerjasama antara keturunan.

Berucap merasmikan Pusat Pakar Tawakal di Jalan Pahang di sini pagi ini, Perdana Menteri berkata beliau bangga desakan penswastan disambut baik oleh para doktor.

"Tetapi desakan itu tidak harus pula menyebabkan terlalu ramai meninggalkan perkhidmatan kerajaan ke-

rana kita perlukan khidmat doktor-doktor berkenaan terutama doktor-doktor pakar," kata beliau.

Dalam pada itu, Datuk Sri Dr. Mahathir mengingatkan mereka yang telah meninggalkan perkhidmatan kerajaan supaya tidak terus melupakan tanggungjawab mereka kepada masyarakat.

Menurutnya, ada setengah-setengah bidang perkhidmatan awam yang mesti ditunaikan oleh doktor di hospital atau klinik tanpa mengira masa dan tempat.

Perdana Menteri menambah, klinik-klinik swasta tidak harus begitu berkira dalam menawarkan perkhidmatan mereka hingga pesakit yang terdesak atau dalam kecemasan tidak diberikan rawatan.

"Kalau berlaku satu kemalangan di depan klinik swasta, para doktor di klinik berkenaan hendaklah memikul tanggungjawab sosial

mereka dengan memberi rawatan tanpa mengira sama ada pesakit itu mampu atau pun tidak. Sekurangnya ia hendaklah memberi rawatan kecemasan sebelum dihantar ke hospital kerajaan," ujar beliau.

## Peranan

Di samping itu, Perdana Menteri yang juga pernah berkhidmat sebagai seorang doktor persendirian di Alur Setar sebelum menceburi politik mahukan pakar-pakar perubatan memainkan peranan mengajar doktor-doktor muda dan para pelatih perubatan.

Katanya, selain dari bekerja di klinik, doktor-doktor swasta boleh juga menyumbang tenaga mereka dengan mengajar secara sukarela atau sebagai pensyarah sambilan atau pun menerima pelatih-pelatih membuat latihan amalnya di klinik mereka.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, pendedahan para pelatih kepada pengalaman doktor swasta adalah juga penting dari segi perubatan.

"Sewaktu saya berkhidmat di Alur Setar dulu pun saya pernah menerima penuntut-penuntut yang ingin mendapat latihan daripada doktor bukan pakar seperti saya, "tambahnya dan secara berseluruh beliau berkata, "pendedahan itu bagaimanapun jangan sampai menyebabkan mereka tahu pendapatan doktor swasta nanti ramai pula nak lari dari kerajaan"

Mengenai penswastan dan perusahaan di negara ini, Perdana Menteri berkata beliau tidak mahu wujud keadaan di mana hanya kaum-kaum tertentu sahaja yang menguasainya.

Tegasnya "kita tidak mahu satu kaum melayan kaumnya sahaja atau berlaku keadaan di mana sesebuah klinik atau perusahaan

tidak dilanggan oleh sesuatu kaum kerana ia dikuasai oleh kaum yang lain."

Perdana Menteri berkata sebagai sebuah negara berbilang kaum rakyat perlu memberi layanan yang sama di antara satu dengan yang lain, sebab itulah semasa Aidilfitri, orang Melayu membeli baju dari kedai Cina dan orang India tidak menghiraukan siapa yang menjual barang kepada mereka semasa Deepavali.

Beliau juga mengingatkan para doktor di klinik-klinik swasta supaya jangan bosan melayan berbagai ragam pesakit dan tidak hanya bekerja mengikut waktu.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga menarik perhatian mereka supaya jangan melakukan terlalu banyak pemeriksaan klinikal ke atas seseorang pesakit kerana takut terkena saman seperti yang berlaku di luar negeri.

Menurut Perdana Menteri, di luar negeri, doktor-doktor boleh dikenakan saman hingga \$3,000 juta tetapi di Malaysia kerajaan telah menetapkan had seseorang doktor boleh di saman.

Oleh itu, kata beliau, para doktor di negara ini tidak perlu melakukan pemeriksaan yang bukan-bukan kerana takut diheret ke mahkamah atau lari dari pesakit yang ditimpa oleh kemalangan kerana takut disaman.